

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14/09/2017B

Khazanah, KWSP bantu perkukuh ekonomi AS

BH-14/9/2017 pg. 5

➔ Rancang tingkat pelaburan, beli lebih banyak pesawat Boeing

► Washington DC

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Khazanah Nasional Bhd merancang meningkatkan pelaburan di Amerika Syarikat (AS) dan membeli lebih banyak pesawat Boeing bagi membantu mengukuhkan ekonomi negara itu, umum Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Katanya, KWSP saja dijangka melabur AS\$3 bilion (RM12.57 bilion) hingga AS\$4 bilion (RM16.76 bilion) di negara berkenaan.

"Kami datang ke sini dengan membawa cadangan nilai yang kukuh untuk dikemukakan. Kami mahu membantu anda mengukuhkan ekonomi AS," kata Najib semasa pertemuan delegasi Malaysia dengan Presiden AS, Donald Trump di sini, tengah hari semalam (waktu tempatan).

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, delegasi Malaysia

mempunyai tiga cadangan khusus.

Pertama, katanya, Malaysia berhasrat menambah bilangan pesawat Boeing yang akan dibeli Malaysia Airlines Bhd.

Beli 25 pesawat

"Kami komited membeli 25 pesawat 737-MAX 10, lapan 787 Dreamliners dan kebarangkalian besar... bukan kemungkinan, yang kami akan menambah 24 (atau) 25 lagi 737-MAX 10 dalam masa terdekat.

"Dalam masa lima tahun, dengan pembelian tambahan itu, janji niaga berkenaan akan bernilai melebihi AS\$10 bilion (RM41.9 bilion)," katanya.

BERNAMA melaporkan pesawat 737 MAX 10 bakal menjadi pesawat satu lorong paling menguntungkan bagi syarikat penerbangan itu menawarkan kos tempat duduk paling rendah, manakala 787 Dreamliner adalah pesawat enjin



Najib menyaksikan majlis pemeteraian memorandum persefahaman di antara Ketua Pegawai Eksekutif Boeing, Kevin McAllister (kiri) dan Bellew di Washington DC, semalam.

berkembar dengan kerangka sederhana bagi perjalanan jarak jauh.

Perdana Menteri kemudian menyaksikan majlis pemeteraian memorandum persefahaman antara Malaysia Airlines dan Boeing Aircraft Corporation bagi pembelian pesawat serta membuka kemudahan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (Global Fleet Care) di Sepang bernilai AS\$3.9 bilion (RM16.34 bilion).

Perbincangan dengan Trump itu adalah kemuncak lawatan kerja Najib ke AS dari 11-13 September atas jemputan daripada Presiden AS Ke-45 itu yang memegang jawatan pada 20 Januari tahun ini.

Najib berkata, kerajaan juga akan cuba memujuk syarikat penerbangan tambang rendah, Air-Asia Bhd untuk membeli enjin General Electric buatan AS.

"Kedua, kami memiliki KWSP, yang juga dana pencen utama di Malaysia. Mereka memiliki modal

yang besar untuk dieksport, mereka melabur hampir AS\$7 bilion (RM29.33 bilion) dari segi ekuiti di AS dan berhasrat melabur tambahan AS\$3 bilion hingga AS\$4 bilion bagi menyokong pembangunan semula prasarana anda," katanya.

Perdana Menteri juga berkata Khazanah Nasional, yang memiliki pejabat di Silicon Valley, California dan sudah melabur kira-kira AS\$400 juta (RM1.7 bilion) dalam syarikat teknologi tinggi, juga berhasrat meningkatkan pelaburannya.

Mantap kerjasama

Sementara itu, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Airlines, Peter Bellew, berkata pihaknya berbangga memeterai MoU berkenaan, selain ia memantapkan lagi kerjasama lebih 40 tahun antara syarikat itu dengan Boeing.

"Pesawat badan lebar baharu itu

adalah penting dalam menjadikan Malaysia Airlines sebuah syarikat penerbangan premium, sekali lagi menawarkan perkhidmatan lima bintang.

"Pesawat 787-9 memberikan kemudahan kepada kami untuk beroperasi ke mana-mana destinasi di Eropah dan AS dari Kuala Lumpur pada masa depan.

"MoU dengan Boeing berhubung program Global Fleet Care pula akan membolehkan kedua-dua syarikat membangunkan pusat baik pulih dan penyelenggaraan (MRO) bertaraf dunia bagi 737 MAX, 787 dan 737NG yang akan berpangkalan di kemudahan sedia ada di Kuala Lumpur," katanya.

Malaysia Airlines ketika ini mengendalikan lebih 50 pesawat Boeing jenis 737 Generasi Akan Datang dan tambahan 25 unit 737 MAX yang sudah ditempah, termasuk 10 unit bagi 737 MAX 10 baharu.

BERNAMA